

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 15/09/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Tajuk : ANGKASA perkasa sektor peruncitan, pemborongan

Angkasa perkasa sektor peruncitan, pemborongan

MELAKA 14 Sept. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) sedang memperkasakan sektor peruncitan dan pemborongan peringkat organisasi tersebut dalam menangani kos sara hidup dalam kalangan ahlinya.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, langkah itu melibatkan hampir 5,000 koperasi di bawah Angkasa yang berada dalam sektor berkenaan dan menjalankan aktiviti penjualan barangan keperluan harian.

"Apabila bercakap mengenai kos sara hidup, ia adalah berkaitan dengan perbelanjaan barang-barang makanan serta runcit oleh pengguna setiap hari.

"Di peringkat Angkasa, kita akan menstruktur semula sektor pemborongan dan peruncitan ini dalam memberi manfaat kepada ahli dan melalui

platform koperasi inilah yang berperanan dalam membantu kekurangan dihadapi akibat kenaikan sara hidup," katanya ketika ditemui selepas menutup program Pembangunan Perniagaan Koperasi Zon Selatan di Ayer Keroh di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamaruddin Ismail dan Pengerusi Perhubungan Angkasa negeri, Muslim Md. Shah.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa turut berhasrat memperluaskan Pavilion Gadget Angkasa Digital Store di Kuala Lumpur ke negeri lain.

Menurutnya, langkah itu juga mampu memantapkan perniagaan ahli koperasi selain mengurangkan penglibatan orang tengah dan lebih penting wujud peluang tawar-menawar dalam menyediakan produk kepada ahli koperasi dengan harga berpatutan dan berkualiti.



**ABDUL FATTAH
ABDULLAH**

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA